

30 JUL 2003

Samy-Air

NEGERI SETUJU SERAH PENGURUSAN AIR KEPADA KERAJAAN PUSAT

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Semua negeri, kecuali Sarawak dan Sabah, bersetuju pada dasarnya untuk menyerahkan pengurusan air kepada kerajaan pusat, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Dalam pertemuan dengan pemberita selepas mesyuarat pasca kabinet kementerian itu di sini, beliau berkata pada mesyuarat majlis Air Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya semalam, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri telah memberi persetujuan secara lisan untuk menyerahkan pengurusan air di negeri masing-masing kepada kerajaan pusat.

Samy Vellu berkata walaupun kerajaan pusat berhasrat mengambil alih pengurusan air daripada kerajaan negeri dengan serta-merta, namun ia perlu menimbang kesannya daripada segi undang-undang dan perlembagaan.

"Pertama sekali setiap dewan undangan negeri perlu memberi kelulusannya, dan diikuti dengan persetujuan Sultan. Selepas itu, kita perlu bantangkan pindaan yang perlu dibuat terhadap undang-undang sedia ada dan mendapatkan kelulusan majlis Raja-Raja bagi membolehkan kita membuat pindaan yang perlu terhadap Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Beliau berkata mesyuarat semalam dihadiri semua Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Ketua Menteri Sabah dan Sarawak, manakala Kelantan dan Terengganu menghantar anggota exco masing-masing sebagai wakil.

Ditanya bilakah pengurusan air di negeri-negeri akan diambil alih oleh kerajaan pusat, beliau berkata: "Kita boleh mulakan prosesnya sekarang dan tunggu (negeri-negeri menunaikan tugas mereka).

Samy Vellu juga berkata setakat ini, hanya empat negeri meraih keuntungan daripada penjualan air dan apabila kerajaan pusat mengambil alih pengurusan air di semua negeri, ia akan turut menyerap hutang yang ditanggung oleh agensi pengurusan air di negeri terbabit.

Beliau berkata bagi negeri yang menandatangani perjanjian konsesi dengan sektor swasta, kerajaan pusat akan menjelaskan ganti rugi yang perlu dibayar.

Dalam perkembangan berasingan, Samy Vellu, yang juga presiden MIC, berkata parti itu telah menghantar buku ulangkaji bagi lima mata pelajaran kepada kesemua 14,000 pelajar sekolah Tamil yang akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

"Buku ini diberi percuma dan merupakan usaha kami untuk menambah bilangan pelajar yang mendapat 7A," katanya.

Beliau berkata langkah tersebut merupakan projek perintis dan sekiranya berjaya, MIC akan meneruskannya pada tahun-tahun akan datang.

-- BERNAMA

SR RV SP LAT